



# PERPUSTAKAAN SEBAGAI PENAJA PERUBAHAN: MERAPATKAN JURANG ANTARA PENTERJEMAH DAN SUMBER

\*

Abdul Halim Mohamed  
Nuraini Yusoff  
Sekolah Sains Kognitif & Pendidikan

Ab. Aziz Yusof  
Sekolah Pengurusan  
Universiti Utara Malaysia

## PENGENALAN

*"Translators ... have been trained informally, basically through trial and error, unstructured apprenticeship arrangements, or any of the various translating activities that accompany the study of a foreign language and culture within the Liberal Arts tradition."*

(Caminade & Pym 1998, p. 280)

Memang tidak dapat dinafikan bahawa terdapat penterjemah yang mendapat pendidikan formal dalam bidang penterjemahan seterusnya berkerja, menimba ilmu dan pengalaman dalam bidang ini. Walau bagaimanapun bukan semua penterjemah yang bernasib baik kerana ramai di kalangan penterjemah terpaksa melalui proses seperti yang dinyatakan oleh Caminade dan Pym dalam petikan di atas. Selain daripada masalah latihan asas, penterjemah yang professional pula perlu melalui latihan yang menggunakan komputer dan teknologi moden (Laszlo, 2000; Gouadec, 2000). Penterjemah tidak ada pilihan lain kecuali mengikut perkembangan teknologi kini sekiranya ingin meningkatkan kualiti terjemahan, menjimatkan masa dan kos. Ini adalah cabaran globalisasi yang perlu dihadapi oleh penterjemah dalam usaha memajukan industri penterjemahan.


Selain daripada mempelajari kemahiran menggunakan alat elektronik, penterjemah juga perlu didedahkan kepada kaedah penyelidikan yang berkesan (Sofer, 1999). Sofer turut menekankan kepentingan memperkembangkan kemahiran dalam penyelidikan serta

mendapatkan bahan rujukan dalam menghasilkan kualiti penterjemahan yang terbaik

Jelaslah di sini penterjemah menghadapi pelbagai cabaran dan pastinya mereka memerlukan sokongan daripada pihak-pihak tertentu supaya dapat terus aktif dalam bidang penterjemahan. Tulisan ini melihat bagaimana perpustakaan sebagai sebuah organisasi yang berhasrat untuk “menyalurkan maklumat rujukan dan penyelidikan dalam pelbagai bidang” (Lampiran A) dapat membantu penterjemah. Kalau dilihat di negara-negara maju perpustakaan memainkan peranan aktif dalam menyediakan pelbagai kemudahan untuk penterjemah. Justeru, perpustakaan di negara Malaysia juga perlu berubah mengikut tuntutan pengguna dan edaran zaman. Untuk menjadi penaja kepada perubahan, pihak perpustakaan harus mengetahui tentang halangan-halangan kepada perubahan, strategi menghadapi perubahan, peranan penaja perubahan dan agen perubahan. Dengan ini diharap perpustakaan dapat memainkan peranan untuk merapatkan jurang antara penterjemah dan sumber.

## PERANAN PERPUSTAKAAN

Melalui pengamatan laman-laman web luar negara, pihak perpustakaan menyediakan kemudahan dan sumber secara *online* untuk menyediakan perkhidmatan pelanggan yang terbaik. Perpustakaan menjadi sumber inspirasi pengguna dalam membina kemahiran tertentu dalam merapatkan jurang di antara penterjemah dan sumber serta memenuhi fungsi perpustakaan sebagai sebuah gedung ilmu (lihat Rajah 1).



Rajah 1 Jurang di antara Penterjemah dan Sumber: Peranan Perpustakaan

Dalam era globalisasi yang mencabar, perpustakaan tidak dapat memencil diri atau lari dari impak teknologi masa kini. Perpustakaan perlu menaja perubahan dan menangani perubahan yang melanda. Pihak pengurusan perpustakaan perlu sensitif terhadap perkembangan teknologi seperti alat Machine Aided Translation (MAT) dan perisian penterjemahan yang dapat membantu penterjemah. Sama ada bersedia atau tidak, proses penghasilan perisian yang lebih canggih yang mengikut model pemikiran otak manusia akan terus berlaku (Chriss, 2000).

Perpustakawan perlu menerima hakikat bahawa zaman ledakan teknologi maklumat telah membawa banyak kemudahan yang menguntungkan penterjemah. Chriss (2000) menyatakan adalah penting untuk kita membangun perpustakaan yang mempunyai kemudahan dan bahan-bahan rujukan terkini. Beliau menekankan keperluan untuk;

*develop a library of current and complete language reference materials. Translators, along with everyone else working with languages rely on the existence of accurate and up-to-date materials to do research and create quality materials. Translators themselves often have to develop their own glossaries and terminology lists. Someone should tap into this vast pool of language resources and create the materials which we all require.*

<http://home.earthlink.net/~rbchriss/Articles/Article8.html>

Chriss juga menyatakan keperluan untuk membina pakej atau perisian yang lebih mantap; stabil dan berfungsi untuk platform Windows, UNIX, dan Macintosh. Perisian seumpama ini boleh merekod dokumen yang lepas dan mengenal pasti apa yang telah diterjemahkan, membina senarai istilah dan membantu secara aktif dan menukar data dengan menggunakan perisian yang sama dengan komputer lain. Perisian yang membantu pengguna seperti penterjemah dapat mempercepatkan proses perterjemahan dan dapat membantu mereka menghasilkan lebih banyak hasil penterjemahan. Penterjemah yang tidak mempunyai kemahiran teknologi boleh mendapat bimbingan dari pustakawan yang terlatih dalam menggunakan perisian dan alat teknologi yang lain.

Perkembangan teknologi maklumat memerlukan juga penterjemah untuk:

1. belajar menggunakan perisian pemprosesan perkataan dan penerbitan berkomputer (desktop publishing);
2. belajar seni telekomunikasi dan transmisi moden agar penjimatan kos penyampaian dapat dicapai; dan

3. berhubung secara online untuk bercakap tentang apa yang sedang dilakukan dan bagaimana melakukan terjemahan.

Terdapat beberapa kemudahan *online* yang disediakan oleh pihak luar negara, antaranya:

1. Organisasi Penterjemah
2. Pangkalan Data Perterjemah
3. Glosari dan Kamus Penterjemah
4. Kumpulan Perbincangan Perterjemah
5. Sumber Pendidikan Penterjemah
6. Perisian Penterjemah
7. Penerbitan Penterjemah

Kemudahan Internet dan World Wide Web (WWW) dapat memberi lebih banyak manfaat sekiranya pustakawan juga diberi latihan untuk membantu pengguna. Latihan dalam WWW juga disediakan untuk para pustakawan memajukan diri pada bila-bila masa. Perpustakaan di negara maju mempunyai ramai pakar media yang dapat membantu pengguna. Pustakawan perlu dilatih melalui WWW atau latihan rasmi atau formal ke arah menjadikan mereka pakar media. Para pustakawan yang berkemahiran diperlukan kerana pengguna perpustakaan terdiri dari mereka yang berkemahiran tinggi. Pustakawan yang berkemahiran teknologi melalui bimbingan yang diberikan dapat pula membantu pengguna dalam menggunakan kemudahan di perpustakaan semaksimum yang mungkin dan dapat membimbing penggunaan tentang fungsi Internet yang lain seperti:

1. Listserv
2. Papan buletin (News Bulletin)
3. Kumpulan Minat istimewa (SIG)
4. *File Transfer Protocol (FTP)*
5. Telnet
6. Pangkalan data
7. Papan buletin untuk diskusi dan
8. *Pertanyaan Terminologi*

(Lampiran B)

Perpustakaan di Malaysia mempunyai hasrat yang murni seperti “mempastikan semua rakyat Malaysia ... berupaya mencapai dan menggunakan ilmu wawasan intelek Malaysia dan ilmu sejagat melalui pasarana ilmu perpustakaan elektronik” (**Lampiran A**), “menjadi pusat maklumat untuk negeri ke arah membentuk rakyat yang berbudaya membaca dan berilmu” (**Lampiran C**), dan “to provide quality services in the process of learning, teaching and research” (**Lampiran D**) yang menuntut perpustakaan sentiasa dinamik khasnya dalam proses untuk membantu industri penterjemahan.

## PERUBAHAN DAN HALANGAN-HALANGAN

Dalam melaksanakan proses perubahan, pustakawan akan berhadapan dengan pelbagai halangan. Antaranya, seperti halangan daripada individu, iaitu bagaimana untuk meyakinkan individu-individu itu supaya dapat menerima perubahan yang hendak dilakukan, halangan dari dalam perpustakaan seperti masalah kewangan, halangan tentang polisi kerajaan dan pelbagai lagi halangan daripada pihak lain yang mungkin terlibat sama walaupun peratusannya rendah.


Oleh itu, seseorang pengurus perpustakaan atau ketua pustakawan perlu bersedia dengan pelbagai strategi untuk menghadapi dan menyelesaikan masalah ini.

## TEKANAN-TEKANAN YANG MEMPENGARUHI PERUBAHAN

Dalam usaha merapatkan jurang antara penterjemah dengan sumber, terdapat empat tekanan utama yang perlu diberi perhatian oleh pihak perpustakaan. Tekanan-tekanan yang dimaksudkan ialah **manusia**, **struktur**, **teknologi** dan **persekitaran** (lihat **Rajah 2**). Tekanan-tekanan ini saling mempengaruhi. Apabila manusia bekerjasama untuk menjayakan sesuatu objektif mereka perlu membentuk struktur hubungan secara formal bagi menentukan tugas-tugas yang akan dilakukan. Pada masa yang sama pekerja, dalam kes ini pustakawan, akan menggunakan teknologi untuk memudahkan mereka melaksanakan sesuatu tugas. Elemen-elemen manusia, struktur dan teknologi ini akan dipengaruhi atau mempengaruhi persekitaran dalaman dan luaran.

### i. Manusia

Manusia akan membentuk sistem sosial dalam perpustakaan sama ada dalam bentuk individu atau kumpulan. Kumpulan ini boleh dibentuk secara rasmi atau tidak rasmi dan berbentuk dinamik:



Rajah 2 Tekanan-Tekanan Kepada Perubahan

boleh ditubuhkan, berubah atau dimansuhkan. Setiap individu yang menyertai perpustakaan membawa bersama pemikiran, perasaan, sikap, budaya dan personaliti masing-masing dalam menjayakan objektif perpustakaan. Oleh itu, pustakawan perlu ingat bahawa kewujudan perpustakaan adalah untuk menyediakan perkhidmatan kepada manusia bukan kewujudan manusia untuk berkhidmat kepada perpustakaan. Seterusnya suasana hari ini yang dipengaruhi oleh kepelbagaian tenaga kerja memerlukan pustakawan untuk menyesuaikan diri mereka dengan kepelbagaian tuntutan, kehendak, keperluan dan desakan yang lebih mencabar.

## ii. Struktur organisasi

Struktur didefinisi sebagai perhubungan formal yang menentukan bagaimana pengagihan kerja dan tanggungjawab dilakukan dalam sesebuah perpustakaan bagi mewujudkan satu bentuk penyelarasan yang seimbang. Pengstrukturkan akan menentukan bentuk kerjasama, perundingan dan peringkat keputusan yang perlu wujud dalam perpustakaan. Terdapat struktur perpustakaan yang mudah

dan terdapat juga yang kompleks. Struktur perpustakaan dipengaruhi oleh saiz perpustakaan, budaya yang diamalkan dan tahap teknologi yang digunakan. Pustakawan perlu ingat perubahan berbentuk fundamental akan mempengaruhi struktur perpustakaan yang sedia ada.

### iii. Teknologi

Keberkesanan perpustakaan banyak bergantung kepada kecanggihan teknologi seperti yang telah dinyatakan dalam peringkat awal kertas kerja ini. Dengan bantuan teknologi membolehkan pekerja meningkatkan kuantiti dan kualiti pekerjaan yang dilakukan. Tetapi perlu diingati teknologi juga akan mendatangkan keburukan kepada pekerja seperti berlakunya pembuangan pekerja, kekecewaan atau mewujudkan suasana kebimbangan di kalangan pekerja. Oleh itu pustakawan perlu mengseimbangkan antara tuntutan teknologi dengan keperluan sosial pekerja dalam melakukan perubahan.

### iv. Persekitaran

Semua perpustakaan beroperasi dalam persekitaran dalaman dan luaran. Perpustakaan perlu sensitif dengan perubahan yang berlaku dalam kedua-dua persekitaran berkenaan seperti penekanan kepada tanggungjawab sosial, persoalan kualiti kehidupan di tempat kerja, persaingan, tuntutan kesatuan dan juga pengaruh globalisasi. Persekitaran juga akan mempengaruhi sikap pekerja terhadap pekerjaan dan perpustakaan yang disertai.

## STRATEGI MENGHADAPI CABARAN

Melihat cabaran di atas adalah dicadangkan supaya pustakawan abad ke-21 bersedia serta mampu untuk memainkan peranan-peranan berikut:

### i. Strategi Global

Pustakawan perlu memahami perubahan keperluan dan tuntutan pengguna sejagat dengan berfikiran secara global. Mereka perlu mendefinisikan semula sempadan peranan perpustakaan dengan melangkaui sempadan fizikal dan waktu. Mereka perlu mempunyai kapasiti untuk mengenal pasti peluang-peluang strategik secara unik dan bertindak cepat untuk mengeksploitasikannya.

## **ii. Kemahiran dalam Teknologi**

Pustakawan hendaklah juga sentiasa maklum dengan perkembangan teknologi yang pesat berlaku sama ada dalam bidang mendapatkan maklumat terkini, kaedah komunikasi dengan pelanggan dan strategi perolehan baru. Mereka perlu sedar bahawa setiap aktiviti perpustakaan akan disentuh oleh teknologi.

## **iii. Membangunkan Jaringan Strategik**

Pustakawan juga perlu tahu bagaimana hendak memintas segala bentuk birokrasi yang boleh menjejaskan keberkesanan operasi perpustakaan. Pustakawan perlu mempunyai kemahiran untuk membina jambatan atau jaringan dengan tokoh-tokoh utama dari kalangan pelbagai latar belakang yang mempunyai kepakaran dalam bidang pengurusan perpustakaan, bidang-bidang khusus seperti terjemahan dan teknologi di samping mewujudkan hubungan strategik dengan perpustakaan di dalam dan di luar negara.

## **iv. Pemimpin dan Pendorong**

Pustakawan juga perlu mengetahui kedinamikan pelanggan dan tahu keperluan mereka. Pustakawan hendaklah mempunyai kebolehan untuk membimbing, mendorong, menasihati dan tahu memberi arahan yang berkesan kepada pasukan kerja dan pelanggan supaya mereka mampu menyumbangkan yang terbaik. Pada masa yang sama mereka juga perlu mengetahui teknik pengurusan perpustakaan secara penglibatan bersama.

## **v. Kepakaran Berkomunikasi**

Seterusnya pustakawan berperanan sebagai penghubung yang berkesan. Kepakaran ini penting kerana mereka akan berhadapan dengan pekerja yang mempunyai latar belakang yang berbeza. Pada masa yang sama mereka juga perlu berhadapan dengan pembekal, pelanggan, komuniti dan kerajaan yang mempunyai agenda dan harapan yang tersendiri terhadap pustakawan. Di sini keberkesanan komunikasi amat diperlukan.

## **SIAPAKAH DI BELAKANG PERUBAHAN?**

Dalam setiap pentas perubahan sudah tentu terdapatnya pelakon-pelakon yang akan memainkan pelbagai peranan bagi menjayakan



pementasan perubahan. Kejayaan persembahan yang dipentaskan turut bergantung kepada keberkesanan setiap pelakon yang memainkan pelbagai peranan. Ada di kalangan mereka bertindak sebagai pelakon utama dan pada masa yang sama terdapat pelakon tambahan. Yang jelas semua memberi sumbangan sama ada dalam bentuk kemahiran, kebolehan, pengentahuan dan autoriti. Di antara pelakon-pelakon utama yang mementaskan perubahan yang telah dikenal pasti ialah **penaja perubahan, agen perubahan dari luar dan agen perubahan dari dalam.**

### **Penaja Perubahan**

Penaja perubahan ialah seseorang yang mempunyai idea dan sedia mengambil tanggungjawab bagi membolehkan perubahan berlaku. Jika sebelum ini banyak pihak berpendapat hanya pihak pengurusan perpustakaan yang mempunyai autoriti dan tanggungjawab untuk melaksanakan perubahan tetapi pada masa kini terdapat perpustakaan yang bersedia memperturunkan autoriti dan tanggungjawab kepada pustakawan bahagian untuk melaksanakan perubahan dalam ruang sempadan bahagiannya. Pada masa yang sama mungkin pengarah, ketua bahagian dan pekerja bawahan boleh dianggap sebagai penaja jika mereka diberi tanggungjawab dan autoriti untuk melakukan perubahan oleh pihak atasan.

Penaja perubahan yang terbaik ialah mereka yang bersedia untuk memberi sumbangan yang signifikan kepada pembangunan perpustakaan dengan memperkasakan autoriti dan tanggungjawab kepada pegawai bawahan mereka. Mereka menetapkan had tempoh melaksanakan perubahan serta membuat pemantauan bagi memastikan proses perubahan berjalan dengan lancar. Mereka juga bersedia untuk membebaskan ikatan-ikatan masa kini yang boleh mengongkong perubahan dan keluar kesituasi baru yang lebih mencabar dan berisiko. Mereka juga memastikan tidak berlakunya masalah undur ke belakang atau pembentukkan suasana baru pada masa hadapan yang terkeluar daripada wawasan yang telah ditetapkan oleh perpustakaan. Perlu disadari bahawa penajaan kepada perubahan datangnya daripada pimpinan atasan yang sedia mengakui hakikat bahawa kos sesuatu perubahan adalah mahal, berisiko dan penuh dengan ketidakpastian.

Risiko kepada sesuatu perubahan adalah kegagalan yang mungkin disebabkan oleh sabotaj kepada usaha-usaha perubahan atau lebih bersedia kembali ke suasana asal. Penajaan kepada perubahan yang berkesan memerlukan kemahiran konseptual yang tinggi. Ini bermakna mereka perlu menghuraikan kembali deskripsi tugas pihak pengurusan

perpustakaan daripada hanya berbentuk pengarah kepada penglibatan bersama.

### **Tugas Penaja Perubahan**

Mengikut Jeanenne (1995) penaja perubahan beroperasi dengan jayanya dalam tiga perkara utama:

1. Penaja memahami perubahan yang mereka sokong dan tahu apa yang ingin diperolehi;
2. Kesediaan penaja bagi menyediakan sumber yang diperlukan untuk perubahan; dan
3. Penaja hendaklah bersedia berhubung rapat dengan mereka yang akan terlibat dengan perubahan

### **Memahami Perubahan**

Penaja perlu menyediakan pernyataan visi berkaitan dengan hala tuju perubahan yang ingin dicapai. Mereka perlu memiliki misi yang jelas tentang kesan perubahan terhadap perpustakaan untuk jangka masa lima atau sepuluh tahun yang akan datang. Penaja perlu mempunyai jawapan yang jelas kepada persoalan sejauh manakah perubahan yang hendak dilakukan akan memberi impak yang signifikan terhadap proses pengeluaran, kelebihan bersaing dan keyakinan pelanggan terhadap perpustakaan.

Dengan kata lain adakah pulangan yang bakal diperolehi setimpal dengan risiko yang terpaksa dihadapi semasa melaksanakan perubahan. Justeru, penaja perubahan perlu tahu apa pentingnya 'empowerment'? Apa makna perpustakaan bertaraf dunia? Di mana kedudukan perpustakaan dalam industri penterjemahan yang diceburi? Semuanya sebagai kesan daripada perubahan yang dilakukan.

Penaja perlu mengadakan perbincangan dengan lain-lain anggota perpustakaan bagi memastikan mereka mendapat maklumat yang jelas mengenai perkara-perkara berikut :

- Sempadan masa depan perpustakaan yang melibatkan tahap pengembangan yang ingin dilakukan.
- Perkara-perkara yang dianggap luwes pada masa depan yang boleh dijadikan alat sebagai pemankin kepada perubahan.
- Perkara-perkara yang dianggap tidak luwes atau mungkin sensitif jika ia diganggu.
- Adakah wujudnya kesatuan berfikir dan bertindak dalam

perubahan-perubahan yang akan dibuat dan sejauh mana ia memberi sumbangan pada masa depan?

- Apakah perubahan-perubahan yang perlu dilakukan berkaitan dengan struktur, proses, pekerja dan budaya perpustakaan?
- Setakat manakah pimpinan atasan atau hirarki tertinggi pengurusan perpustakaan memerlukan dan bersedia melakukan perubahan?
- Kesan proses perubahan kepada perubahan yang hendak dilakukan.
- Menganalisis kekuatan tentangan yang akan dihadapi bagi membolehkannya membuat persiapan yang rapi.
- Apakah bentuk kemahiran dan kebolehan yang perlu ada pada pekerja bagi membolehkan mereka menyesuaikan diri dengan perubahan yang akan dilakukan?

### **Persediaan Sumber untuk Perubahan**

Semua bentuk perubahan yang dilakukan oleh perpustakaan akan melibatkan kos. Dalam melaksanakan perubahan pula diperlukan sumber yang mencukupi sama ada sumber kewangan, sokongan moral atau peruntukan masa. Penaja perlu menyediakan sumber berkenaan serta memahami kesannya jika sumber-sumber berkenaan tidak mencukupi terutama semasa peringkat pelaksanaan perubahan. Penaja perlu menyediakan pelan kontingensi jika berlakunya peningkatan kos di luar jangkaan atau kesan daripada masalah-masalah lain yang tidak diduga.

Perubahan juga memerlukan masa yang secukupnya. Penaja perlu memahami kesan penetapan 'tarikh akhir' dalam pelaksanaan perubahan dan kesan jika pelaksanaannya dilakukan secara agresif. Oleh itu mereka perlu mempunyai pengetahuan yang mencukupi dan tahu had laju proses perubahan, tahap dan jenis tentangan serta permasalahan yang akan dihadapi.

Penaja juga perlu memberi sokongan yang jitu kepada agen perubahan yang terlibat dengan perubahan. Agen perubahanlah yang akan merancang dan melaksanakan sesuatu perubahan. Mereka memerlukan sokongan dalam aspek seperti komunikasi, pembelajaran dan imbuan. Mereka perlu diberi kesempatan untuk memahami proses perubahan. Mereka perlu diberi tanggungjawab untuk melaksanakan perubahan. Oleh itu penaja mesti bersedia untuk memberi sokongan dan membangunkan agen perubahan, membantu mendapatkan sumber yang diperlukan, dan menetapkan sistem akauntabiliti adalah tanggungjawab utama penaja.

Tiada prosedur yang mampu diubah tanpa mengubah sikap pekerja ke atas perubahan berkenaan. Tiada peralatan baru boleh diperkenalkan jika tidak mengubah sikap pekerja yang akan menggunakan peralatan berkenaan. Semua jenis perubahan melibatkan pekerja. Kebolehan berhubung, memahami kehendak dan keperluan pekerja merupakan aspek yang kritikal kepada penaja perubahan.

Penaja juga perlu menyampaikan visi dan misi perubahan. Mereka mesti mempunyai gambaran yang jelas mengenai masa depan dan tentukan sasaran yang ingin dituju. Mereka juga perlu bersedia mendengar keluhan, kebimbangan, kekecewaan, kekeliruan dan kejutan yang akan dihadapi oleh pekerja.

Penaja hendaklah bersedia mengambil risiko dengan membuktikan yang mereka berani mencuba dan menerima kesilapan sebagai pengajaran. Mereka perlu menerima hakikat yang mereka tidak mengetahui semua perkara. Pekerja mahu melihat yang mereka turut sama turun ke gelanggang dalam melakukan perubahan.

Penaja perlu mempunyai intuitif mengenai bila hendak bertindak, mengarah dan bila hendak melaksanakan. Mengetahui bagaimana, bila, siapa dan tahap penglibatan dan kesediaan pekerja adalah merupakan salah satu kriteria untuk menjayakan perubahan. Penaja juga sepatutnya mengetahui bagaimana dan bila hendak memberi bimbingan, galakan, pujian dan nasihat kepada pekerja yang bersedia menukar corak suasana kerja sekarang kepada corak baru.

## AGEN PERUBAHAN

Dalam memperkenalkan, membangun, melaksana dan menilai perubahan sesebuah perpustakaan perlu mengenalpasti konsultan yang akan bertindak sebagai fasilitator perubahan. Kerap kali perpustakaan memerlukan pihak luar atau tokoh tertentu dalam perpustakaan untuk mengerakkan sesuatu perubahan. Persoalannya kenapa perpustakaan memerlukan pihak luar atau tokoh tertentu untuk mengerakkan perubahan masakan perpustakaan mempunyai pustakawannya sendiri tidak tahu selok-belok perpustakaan. Schein (1988) berpendapat pengurusan organisasi seperti juga perpustakaan memerlukan pihak lain dalam menangani proses perubahan bagi membolehkan mereka mempelajari bagaimana perubahan perlu dilakukan dengan lebih berkesan. Dalam perubahan yang dicadangkan oleh penulis, pihak perpustakaan perlu berganding bahu dengan pihak yang terlibat dengan penterjemahan seperti Institut Terjemahan Negara, Dewan Bahasa dan Pustaka, Persatuan Penterjemahan Malaysia dan pembekal alat-alat terjemahan.

## Ciri-Ciri Utama Agen Perubahan

Agen Perubahan perlu mempunyai sifat-sifat dan gaya kepimpinan tertentu dalam melaksanakan perubahan. Margulies dan Raia (1972) mengenal pasti tiga sifat utama yang perlu ada pada agen perubahan bagi membolehkan mereka berperanan sebagai juru perunding dalam membangunkan organisasi seperti perpustakaan. Ketiga-tiga sifat utama yang dimaksudkan adalah **personaliti**, **analitikal** dan **kemahiran diagnostik** serta pengalaman berhubung dengan pelanggan.

Seerti juga penaja perubahan, untuk menjadi agen perubahan yang berjaya mereka perlu mematuhi tiga kunci tanggungjawab utama iaitu: memahami perubahan yang hendak dilaksanakan; menguruskan perubahan; dan berhubung rapat dengan mereka yang terlibat dengan pengurusan perpustakaan.

## KESIMPULAN

Perpustakaan sebagai sebuah organisasi yang berhasrat untuk "menyalurkan maklumat rujukan dan penyelidikan dalam pelbagai bidang" (**Lampiran A**) perlu meluas dan mempertingkatkan perkhidmatannya. Perpustakaan yang dilengkapi dengan kemudahan bukan elektronik dan elektronik dapat merapatkan pemisahan digital atau "*digital divide*" yang wujud di antara penterjemah dan sumber. Memandangkan bidang terjemahan ini merupakan satu bidang yang amat penting dalam membina tamadun ilmu dan maklumat, selain daripada organisasi lain pihak perpustakaan perlu menjadi penaja perubahan dengan menyediakan pelbagai kemudahan yang terkini untuk membantu penterjemah menyelesaikan tugas atau pekerjaan mereka. Adalah diharapkan dengan kemudahan yang ada kelak penterjemah bukan sahaja dapat menterjemah bahan-bahan dalam bahasa asing ke bahasa Melayu malah bahan-bahan dalam bahasa Melayu ke bahasa asing.

## Rujukan

- Caminade, M., & Pym, A. (1998). Translator-training institutions. In M. Baker (Ed.), *Encyclopedia of translation studies* (pp.280-285). London and New York: Routledge.
- Chriss, R. (2000). *Article VIII: MT and MAT*. <http://home.earthlink.net/~rbchriss/Articles/Article8.html> (1 Ogos 2001)
- Jeanenne, L. M. (1995). *Changing the way we change*. New York: Addison-Wesley.
- Laszlo, G (2000). *Teaching translation and interpretation*. [http://ourworld.compuserve.com/homepages/laszlo\\_gabris/CHRIS03.HTML](http://ourworld.compuserve.com/homepages/laszlo_gabris/CHRIS03.HTML) (1 Ogos 2001)
- Margulies, N., & Raia, A. (1978). *Conceptual foundations of organizational development*. New York: Mc Graw-Hill.
- Schein, H.E. (1988). *Process consultation: It's role in organization development*. Reading, U.K: Addison-Westley.
- Sofer, M. (1999). *The translator's handbook* (3<sup>rd</sup> ed). Maryland: Schreiber Publishing.

# **LAMPIRAN A**

## **PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**

Perpustakaan Negara Malaysia 232, Jalan Tun Razak,  
50572 Kuala Lumpur  
Telefon : (603) 26943488 / 26943234 Faks : (603) 26927082  
E-mail : [pnmweb@www1.pnm.my](mailto:pnmweb@www1.pnm.my)

### **Wawasan,**

Perpustakaan Negara Malaysia sebagai perpustakaan cemerlang yang terulung di rantau ini yang boleh membekal dan menyalurkan maklumat rujukan dan penyelidikan dalam pelbagai media untuk dinikmati oleh semua lapisan masyarakat negara ini.

### **Misi**

Organisasi, Mempastikan semua rakyat Malaysia tanpa mengira status dan dimana jua berada dapat menikmati kemudahan perkhidmatan perpustakaan secara saksama serta berupaya mencapai dan menggunakan ilmu wawasan intelek Malaysia dan ilmu sejagat melalui pasarana ilmu perpustakaan elektronik yang bersepadu seluruh negara.

### **Objektif,**

- Menyediakan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan satu koleksi sumber-sumber perpustakaan di peringkat kebangsaan;
- Memudahkan penggunaan di seluruh negara sumber-sumber perpustakaan yang terdapat di dalam dan di luar negeri; dan
- Mengadakan kepimpinan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan perpustakaan.

## Strategi,

- Memastikan terkumpulnya warisan intelektual warga Malaysia serta semua terbitan Malaysiana terkini dan retrospektif untuk kemudahan penyelidikan dan rujukan generasi kini dan akan datang;
- Memastikan pangkalan data dan terbitan Perpustakaan Negara Malaysia mengenai sumber maklumat Malaysia sentiasa kini;
- Mewujudkan perikatan strategik dengan pelbagai pihak supaya dapat memantapkan prasarana perkhidmatan perpustakaan dan maklumat dalam negara;
- Menyediakan piawaian dan panduan untuk membangunkan Pusat Kecemerlangan maklumat bidang khusus;
- Menyediakan pelan tindakan jangka panjang dan pendek untuk mewujudkan rangkaian perpustakaan dan maklumat di negara ini;
- Mempromosikan pelbagai perkhidmatan perpustakaan termasuk sumber maklumat keluaran negara di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

## LAMPIRAN B

Kemudahan secara online juga dapat disediakan melalui kemudahan elektronik mel dan pengguna dapat menjadi ahli *listserv* atau **buletin berita** (*news bulletin*). Pengguna dapat menghubungi secara langsung sumber-sumber yang berguna kepada mereka dengan bantuan pustakawan yang berkemahiran teknologi. Penterjemah dapat didedahkan dengan sumber maklumat yang penting dalam memahirkan mereka dalam bidang penterjemahan. Sebagai contoh melalui Internet, penterjemah dapat menghubungi pelbagai organisasi melalui kemudahan secara *online*. Pengguna dapat menghubungi **organisasi penterjemah** untuk menimba ilmu atau mendapat pengetahuan baru dalam bidang ini. Organisasi penterjemah Eropah mempunyai hubungan yang erat antara satu sama lain dan mempunyai sebanyak 32 buah organisasi penting untuk dihubungi sekiranya penterjemah mempunyai masalah.

Penterjemah di negara Eropah juga didedahkan dengan pelbagai **pangkalan data** yang relevan dengan penterjemahan. Mereka dapat menggunakan 12 pangkalan data untuk membantu aktiviti penterjemahan mereka. Sebahagian darinya adalah yang berikut:



1. American Web for International Languages (AWIL)  
<http://ourworld.compuserve.com/homepages/mmalooof/awilnew.htm>
2. Aquarius  
<http://aquarius.net/>
3. Cecilia Falk's Home Page  
<http://www2.sbbs.se/hp/cfalk/indexeng.htm>
4. iLangua.com  
<http://www.ilangua.com>

**Kemudahan Glosari dan Kamus Penterjemah** menyediakan banyak kemudahan sebagai contoh:

1. Tanya Harvey's Web site  
<http://www.ticino.com/usr/puffin/findit.htm>
2. English <-> Spanish Business Glossary  
<http://www.andymiles.com>
3. AE <-> BE dictionary  
<http://www.peak.org/~jeremy/dictionary/dict.html>
4. Manon Bergeron's Index of Financial Glossaries  
<http://mabercom.com>

**Kumpulan Perbincangan Penterjemah** dapat memberi kemudahan untuk pengguna mendapat maklumat bagaimana untuk menjadi ahli kepada sesebuah kumpulan perbincangan. Antara kumpulan perbincangan yang dapat membantu penterjemah seperti berikut:

1. Karin Adamczyk's Mailing List for Translation Industry News  
[http://www.egroups.com/group/pr\\_transl](http://www.egroups.com/group/pr_transl)  
To subscribe to the list, send a blank message to [pr\\_transl-subscribe@egroups.com](mailto:pr_transl-subscribe@egroups.com).
2. German U-Forum  
[listserv@twh.msn.sub.org](mailto:listserv@twh.msn.sub.org)  
Discussion forum for German translators. To subscribe, send the message  
SUBSCRIBE u-forum to the above address.

**Sumber Pendidikan Perterjemah** pula menyediakan halaman web yang dapat membantu pengguna contohnya:

1. Academia ISLA  
<http://www.academiaisla.com/links>

2. Bjorn Austraat's Home Page  
<http://www.austraat.com>
3. Robert Bononno's Home Page  
<http://pages.nyu.edu/~rb28/t-schools.html>
4. Champs-Elysées Audiomagazines  
<http://www.champs-elysees.com/>

**Perisian untuk Penterjemah** pula dapat memberi maklumat tentang perisian-perisian moden yang canggih yang terdapat di pasaran yang dapat memudahkan proses penterjemahan. Antara perisian yang boleh digunakan ialah laman web yang berikut:

1. Bilingua Language Engineering  
<http://www.bilingua.com>  
Bilingua Language Engineering publishes Duplex translation support systems and other language software for translation, bilingual lexicography, terminology, and language for *special purposes*.
2. Language Partners International  
<http://www.languagepartners.com>  
*Localization tools, translation memory and machine translation software. Also some useful advice and news aimed at language professionals.*
3. Translators' Tools  
<http://www.open.hr/~dpleic/tools.html>
4. WordFisher and WordAlign  
<http://www.wordfisher.com>  
(WordFisher merupakan alat pengurusan projek penterjemahan yang memerlukan MS Word Versi 6 ke atas, termasuk 2000).

Perisian seperti **DoubleVue** mudah digunakan untuk penterjemah dan penyunting. Dengan adanya perisian ini, ia boleh memaparkan ayat yang sedang disunting pada bila-bila masa. Penyunting dan editor dapat "scroll" bahagian yang diterjemahkan dan membolehkan sistem memaparkan teks yang asal. **DoubleVue** mempunyai sifat integrasi pengurusan dokumen di mana seseorang itu:

1. boleh menyimpan rekod asal dan dokumen yang diterjemahkan
2. mencari dan mendapat semula dokumen asal dan yang diterjemahkan
3. boleh secara automatik mengecilkan fail dan menghantar melalui e-emel.

<http://www.simtel.net/pub/pd/13080.shtml>

Perisian Aladin dapat membantu penterjemah mempelbagaikan teks. Perisian ini dilancarkan dengan menggunakan Windows (95/98/NT) atau sistem operasi Unix.

## LAMPIRAN C

### **Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis**

**Wawasan:** Menjadi pusat maklumat untuk negeri ke arah membentuk rakyat yang berbudaya membaca dan berilmu.

Fungsi Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis:

- Bertanggungjawab mengesan, memperolehi serta memproses bahan-bahan untuk tambahan kepada koleksi perpustakaan mengikut peruntukan yang diluluskan.
- Membina koleksi khas mengenai negeri Perlis dan menjalankan pemuliharaan bahan-bahan yang terdapat dalam koleksi perpustakaan.
- menyelenggarakan perkhidmatan kepada masyarakat seperti pinjaman buku, pendaftaran ahli, rujukan, alat pandang dengar serta menganjur aktiviti tambahan yang bertujuan menggalakkan pengguna mengunjungi perpustakaan.
- mengendalikan aktiviti kempen galakan membaca secara berkesan dalam usaha menjadikan masyarakat negeri ini berbudaya membaca.

Objektif Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis:

- menyediakan bahan-bahan bacaan untuk tujuan pinjaman rujukan dan penyelidikan rakyat negeri Perlis.
- Merancang program/aktiviti ke arah menambahkan rangkaian

perkhidmatan perpustakaan ke seluruh negeri Perlis

- menganjur serta menggalakkan pembacaan di kalangan masyarakat negeri Perlis
- Memberikan khidmat nasihat kepada pihak-pihak yang memerlukan bimbingan/latihan dalam bidang ilmu perpustakaan.

## LAMPIRAN D

### **Perpustakaan Sultanah Bahiyah, IntroUniversiti Utara Malaysia Introduction:**

The Library is housed in a five-storey building situated in the heart of the campus. It is equipped with the most up-to-date facilities for the use of students and staffs. It has a seating capacity of up to 1,000 persons including discussion and carrel rooms.

At present the Library has more than 215,579 volumes of books and subscribes to over 700 periodical titles and over 2710 periodicals accessible via internet. In addition, it holds audio-visual material, theses, maps, company reports, online databases and various databases on CD-ROM.

The Library is fully computerised using an integrated library management software, LINTAS - an in-house software which the library had helped to develop. The extensive use of IT in the library makes it a leading library in the country. Notably it was the first library in the country to get a CD-ROM Network System. UUM Library is certified for MS ISO 9002 requirement since Disember 1997.

The library is organised into 9 divisions as follows:

- Acquisition
- Technical Processing
- Automation
- Circulation and Reader Service
- Reference and Information Service
- Serial
- Media
- Special Collection
- Administration
  - Training Unit
  - Children's Corner
  - Binding and Printing Unit

## **Objective**

The main objective is to provide quality services in the process of learning, teaching and research.

## **Client's Charter**

We promise to provide quality services in the process of learning, teaching and research.

- We strive to acquire library materials for reference, learning, teaching and research.
- We promise quality services in processing payment according to the rules and regulations stated.
- We welcome any comments and suggestions to ensure maximum satisfaction.